

28 NOV 1996

PELAN: PETUMBUHAN INDUSTRI BAHAN AKAN DIPERCEPATKAN

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Pembangunan sektor bahan maju yang baru setahun gajung akan dipercepatkan dalam tiga fasa di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2) 1996-2005, kerana ia mempunyai kelebihan strategol dalam program perindustrian negara.

Usaha mempercepatkan ini akan dibuat melalui program pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang lebih bersepadu dan bertumpu serta pembangunan kemahiran khas dan kemudahan sokongan lain, menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industry (MITI) di dalam PIP2 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Empat sektor berasaskan logam dan petrokimia yang berpotensi untuk dibangunkan di dalam lingkungan bahan-bahan maju adalah polimer, logam, komposit dan seramik yang memberi sokongan kukuh kepada industri elektronik, pengangkutan, pembinaan, alatan sukan dan barangan pengguna di Malaysia.

Dalam sektor polimer, penekanan jangka pendeknya akan meliputi pemulihan dan pembangunan seterusnya bagi polimer asas.

Bagi jangka masa pertengahan, tumpuan akan diberikan kepada kesungguhan dalam aktiviti R&D dan pembangunan sumber manusia, dan mempercepatkan aktiviti prototaip yang diperdagangkan melalui peruntukan kewangan yang lebih besar sepanjang tempoh pelan induk tersebut.

Tindakan strategik jangka panjang pula menyokong dan mempromosikan pelaburan projek polimer bertaraf dunia yang menetapi piawaian dan kualiti antarabangsa.

Bagi sektor logam, pelan tindakan akan bermula dengan meningkatkan kemahiran dan R&D, dan menubuhkan standard logam Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Di peringkat jangka pertengahan, kelompok logam dijangka disusun semula dan digerakkan ke arah pengeluaran barangan nilai ditambah dan produk mewah.

Pembangunan masa depan kelompok industri ini akan bergantung kepada kejayaan pembangunan sumber manusia dan penyediaan prasarana secukupnya seperti yang diperlukan dengan kos bersaing.

Bagi sektor komposit, selain daripada pembangunan sumber manusia, kerajaan akan membantu syarikat yang menceburi bidang pengeluaran komposit dan barangan komposit maju dengan menyediakan pakej insentive yang menarik.

-- BERNAMA

JR ZMY MA